

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
IKLAN PRA –KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui pra-kelayakan untuk

**CADANGAN KERJA MEREKABENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN SERTA
MENTAULIAHKAN PADANG BOLA SEPAK SINTETIK BERTARAF STANDARD FIFA
BERSERTA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 4582, JALAN
SULTAN YAHYA PETRA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, MUKIM SETAPAK
KUALA LUMPUR
NO TENDER : UTM.B14/2023**

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak **DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 4582, JALAN SULTAN YAHYA
PETRA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, MUKIM SETAPAK KUALA LUMPUR**

Skop kerja bagi projek ini adalah menaiktaraf padang bola sepak sedia ada kepada padang bola sepak sintetik bertaraf standard FIFA berserta kemudahan infrastruktur.

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **OKTOBER** tahun **2023** dalam tempoh penyiapan adalah **6 BULAN**.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA-KELAYAKAN**

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat – syarat berikut :

BAHAGIAN A : PENDAFTARAN KONTRAKTOR

1.0 Jenis Pendaftaran : T1 iaitu syarikat 100% milik tempatan.

2.0 Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut :-

- i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),

Gred : G4

Kategori : CE – Kejuruteraan Awam

Pengkhususan : CE21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam

- ii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

3.0 PPK dan SPKK dengan CIDB serta STB dengan PKK hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra-kelayakan.

4.0 Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB/PKK **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra-Kelayakan ini.

BAHAGIAN B : KEUPAYAAN KONTRAKTOR

1.0 Keupayaan Kewangan :

- i) **'NETT WORTH'** bernilai melebihi **20% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **'NETT WORTH'** adalah perbezaan positif di antara **HARTA TETAP** dan **TANGGUNGAN TETAP** syarikat ;, atau
- ii) **'MODAL PUSINGAN'** bernilai melebihi **10% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **'MODAL PUSINGAN'** adalah perbezaan positif di antara **HARTA SEMASA** dan **TANGGUNGAN SEMASA** syarikat:, atau
- iii) Nilai **'MODAL MUDAH CAIR'** bernilai melebihi **3% DARI NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA** di mana **MODAL MUDAH CAIR'** adalah purata nilai positif wang dalam tempoh 3 bulan, nilai saham, pinjaman dan nilai positif overdraf.

2.0 Keupayaan Teknikal :

- i) Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa* dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja bermula dari **RM1,000,000.00** sehingga **RM3,000,000.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek serupa yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- ii) Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.
- iii) Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit'

***Serupa* : Kerja-Kerja Pembinaan Padang Bola Sepak Sintetik atau Kemudahan Sukan Setaraf.**

3.0 Perunding Kontraktor

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not-in-house consultant) seperti berikut :-

- i) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- ii) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- iii) Berpengalaman dengan kerja pembinaan Padang Bola Sepak Sintetik atau Kemudahan Sukan Setaraf

- 4.0. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi pada **12 JUN 2023** hingga **27 JUN 2023** mulai jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang di **Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur**. Petender Boleh Terus Menghubungi Pegawai Bertanggungjawab **Encik Mokhtarudin Bin Mustafa Di Talian 03 – 26154942 Atau Cik Mastura Binti Rosly Di Talian 03-26154359/4278.**

- 5.0 Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi dengan membuat bayaran secara atas talian melalui pautan : <https://ecommercev2.utm.my/> atau **Draf Bank** atas nama **Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur** dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal (LPIPM, Pusat Khidmat Kontraktor) sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama resit asal pembayaran, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen Pra - Kelayakan.
- 6.0 Harga Dokumen Pra Kelayakan ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** senaskah.
- 7.0 Pra Kelayakan ini akan ditutup pada **06 JULAI 2023**. Dokumen Pra Kelayakan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 1 di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu sebelum atau pada jam **12.00** tengah hari. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.